

## MSM kembali pulih, catat untung RM125.35 juta

Februari 22, 2022 @ 9:36pm



Gambar arkib. Malaysia Sugar Manufacturing (MSM) Prai. -/Shahnaz Fazlie Shahrizal

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) telah kembali pulih pada tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2021, selepas mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM125.35 juta berbanding kerugian bersih RM71.23 juta pada tahun kewangan 2020.

Pendapatan meningkat kepada RM2.26 bilion daripada RM2.18 bilion sebelumnya disebabkan oleh harga jualan purata (ASP) yang lebih tinggi, katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Kumpulan itu berkata keuntungan lebih tinggi pada tahun kewangan 2021 itu berikutan margin yang lebih baik ekoran ASP lebih tinggi dan keuntungan diperoleh selepas penjualan MSM Perlis Sdn Bhd.

Sementara itu, bagi suku keempat 2021, kumpulan itu merekodkan kerugian bersih sebanyak RM16.16 juta berbanding untung bersih RM56.22 juta pada suku keempat 2020 disebabkan margin kasar yang lebih rendah kerana gula mentah lebih tinggi serta kos pengangkutan dan gas yang harus ditanggung.

Bagaimanapun, perolehan lebih tinggi pada RM642.02 juta berbanding RM630.33 juta pada suku keempat 2020.

Mengenai prospek untuk tahun 2022, MSM berkata kumpulan itu kekal optimistik dan berhati-hati terhadap pelan pemulihannya serta keupayaan untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dalam persekitaran trend peningkatan dalam kos pengeluaran utama.

"Di peringkat domestik, perkembangan positif Pelan Pemulihan Negara telah memberikan dorongan kukuh untuk pemulihan ekonomi dan aktiviti sosioekonomi yang lebih besar, ia membawa kepada lebih banyak penggunaan produk termasuk gula.

"Bagi pasaran eksport tanpa sebarang keadaan yang tidak dijangka, tahun kewangan 2022 menawarkan peluang baik di rantau Asia Pasifik yang mempunyai permintaan yang kukuh dan berkembang," katanya.

Melangkah ke hadapan, kumpulan itu berkata ia akan terus menumpukan kepada penggunaan hasil dan kapasiti yang lebih tinggi yang akan menghasilkan kos penapisan dan pengeluaran yang lebih rendah.

**Media: Berita Harian Online**

**Link:** <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2022/02/925824/msm-kembali-pulih-catat-untung-rm12535-juta>